

SAMBAR BIRU MALAYSIA
Malaysian Blue Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae
NAMA SAINTIFIK: *Cyornis turcosus*

CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini menyerupai spesies Sambar Rengkong Biru, *C.rubeculoides*, tetapi bahagian atas dada berwarna biru pekat yang cerah. Bahagian dada pula berwarna perang kemerahan manakala bahagian atas badan berwarna biru pekat yang cerah. Pada bahagian atas tongkeng dan bahagian atas ekor terdapat warna biru pudar yang berkilat. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz sekitar 14.0 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga-serangga kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di sekitar kawasan anak sungai, kawasan pinggir sungai dan juga di kawasan hutan dipterokap pada ketinggian sehingga ke 760 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini menghasilkan siri bunyi yang lemah iaitu pada 5-6 fasa nota bunyi.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan April hingga Mei di mana sarang dibina pada bahagian lubang pokok dan adakalanya pada bahagian tumbuhan pakis yang tumbuh di atas pokok.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya ; IUCN, hampir terancam.